



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 13/1977**

**Penyelenggaraan Lembaran Lito (*Litho Sheet*) Di Pejabat Tanah  
(Disemak 2009)**

---



**JABATAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR  
PUTRAJAYA**



**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah Dan Galian Persekutuan  
Bilangan 13/1977**

**Penyelenggaraan Lembaran Lito (*Litho Sheet*) Di Pejabat Tanah (Disemak 2009)**

Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihatkan Pentadbir Tanah mengenai keperluan untuk menyelenggara dengan teratur lembaran-lembaran lito di Pejabat Tanah.

2. Setiap pejabat tanah perlu mempunyai dua (2) set lembaran lito:-
  - (a) satu untuk menunjukkan lot-lot (tanah-tanah yang telah diukur); dan
  - (b) satu untuk menanda sempadan-sempadan tanah seperti yang ditunjukkan di dalam pelan yang telah dikemukakan dengan permohonan pembermilikan tanah selain daripada tujuan melombong, tanah lombong atau lesen pendudukan sementara.

Satu set tambahan boleh juga diadakan untuk kegunaan Pegawai-pegawai Petempatan supaya mempercepatkan kerja mereka dalam mengesan sempadan-sempadan tanah.

3. Lembaran-lembaran lito di Pejabat Tanah hendaklah sentiasa mengandungi maklumat-maklumat yang dikemas kini dan jitu. Apabila surihan alih diterima daripada Jabatan Ukur dan Pemetaan, sempadan-sempadan lot baru itu hendaklah ditanda di lembaran lito. Sempadan-sempadan tanah yang ditunjukkan dalam pelan yang dikemukakan bersama permohonan pembermilikan tanah selain daripada melombong, tanah lombong dan lesen pendudukan sementara hendaklah dicatatkan ke dalam lembaran lito yang berkenaan iaitu lembaran yang disimpan untuk maksud ini (set lembaran di 2(b)).

4. Tujuan lembaran lito di 2(a) (yang menunjukkan lot-lot tanah yang berukuran sahaja) adalah untuk membantu orang awam membuat pemeriksaan bagi mendapatkan (membeli) surihan. Lembaran lito di 2(b) pula (yang ditandakan dengan kawasan-kawasan tanah seperti di dalam pelan-pelan yang dikemukakan dengan permohonan untuk memiliki tanah selain daripada tujuan melombong, tanah lombong dan lesen pendudukan sementara) bukan untuk tujuan pemeriksaan oleh orang awam kerana tindakan ini akan disifatkan sebagai satu kesalahan di bawah seksyen 19 Kanun Tanah Negara oleh kerana maklumat-maklumat berhubung dengan tanah di bawah sesuatu permohonan itu hendaklah dirahsiakan.

5. Tanggungjawab menyelenggara lembaran lito di Pejabat Tanah hendaklah dipertanggungjawabkan kepada seorang Penolong Pegawai Tanah yang terkanan untuk menjalankan tugas-tugas berikut:-

- (a) menjamin keselamatan dan pengekalan lembaran-lembaran lito;
- (b) menyelia juruteris-juruteris dalam mengemas kini lembaran-lembaran lito untuk menjamin mutu kerja;
- (c) menyelia dan memberikan perkhidmatan-perkhidmatan kepada orang awam dalam pemeriksaan lembaran-lembaran lito dan pembelian pelan-pelan.

4. Pentadbir Tanah dengan ini dinasihatkan supaya mengambil perhatian bahawa lembaran-lembaran lito yang mencukupi hendaklah diadakan di Pejabat Tanah untuk kegunaan seperti yang diterangkan di perenggan 2 di atas dan menjamin bahawa keselamatan, pengekalan dan tindakan mengemaskinikan lembaran lito tersebut hendaklah dijadikan sebahagian dari tanggungjawab seorang Penolong Pegawai Tanah yang terkanan di pejabat tersebut.

**Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan**